



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 20 / 2024

PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN UNDANGAN N.20 SUNGAI BAKAP, PULAU PINANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **128 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos bagi PRK Dewan Undangan N.20 Sungai Bakap, Pulau Pinang pada **24 Jun 2024 (Isnin)**. Pengeluaran kertas undi pos dilakukan oleh Petugas Pilihan Raya yang dilantik Pegawai Pengurus dengan kehadiran ejen undi pos daripada calon-calon yang bertanding.
2. Kertas undi pos yang telah dikeluarkan adalah terdiri daripada **120 undi pos Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya dan Anggota Polis), **5 undi pos bagi Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara) dan **3 undi pos bagi Kategori 1C** (Agensi dan Organisasi).
3. Kesemua anggota polis terlibat dalam PRK ini telah dikeluarkan kertas undi pos. Oleh itu, **TIADA pusat mengundi awal akan dibuka pada 2 Julai 2024 (Selasa) nanti**.

4. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Perisytiharan Identiti (Borang 2), serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus berkenaan **sebelum pukul 5:00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **6 Julai 2024 (Sabtu)**.

5. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa **menjaga kerahsiaan undi** masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

24 Jun 2024 / 17 Zulhijjah 1445H